

KONSEP PENGGUNAAN BERHIERARKI BERTERASKAN ISLAM (PBBI): PANDUAN MUSLIM DALAM KEGAWATAN EKONOMI

¹Basri bin Abd. Ghani, ²Ahmad Azrin Adnan

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau
21600 Arau, Perlis

² Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
Universiti Sultan Zainal Abidin
21300 Kuala Nerus, Terengganu

*Corresponding author's email: basri@perlis.uitm.edu.my

Submission date: 14 July 2017 Accepted date: 14 Sept 2017

Published date: 30 Nov 2017

Abstrak

Aspek penggunaan menjadi semakin penting berikutan ketidakmampuan pendekatan semasa menangani pelbagai fenomena sosioekonomi misalnya kemiskinan, pembaziran, kebuluran, kemuffisan, pengangguran dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa pendekatan semasa, sama ada dalam bentuk konsep, prinsip, teori atau model telah begitu banyak berperanan sebagai alat analisis untuk memahami disiplin penggunaan dari sudut teori dan praktis. Pendekatan semasa yang bertunjangan *tasawwur* dan epistemologi Barat ini bagaimanapun tidak sesuai diaplikasi ke atas budaya masyarakat Timur khususnya masyarakat Islam kerana perbezaan latar belakang kepercayaan, budaya dan persekitaran. Realiti ini menunjukkan betapa pentingnya ditonjolkan pendekatan yang bermula dengan premis Islam. Walau bagaimanapun pendekatan sedia ada yang ideal menurut Islam amat kecil bilangannya berbanding pendekatan konvensional. Ia menjustifikasikan keperluan membina pendekatan ini yang lahir dari asas *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti teori, model dan pendekatan gelagat pengguna khususnya penggunaan berhierarki. Kedua, menganalisis ketepatan teori, model atau pendekatan gelagat pengguna khususnya penggunaan berhierarki menurut *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Ketiga, membina model konsep penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBBI) sebagai panduan untuk menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi.

Kata kunci: Penggunaan, Penggunaan Berhierarki, Gelagat Pengguna, Kegawatan Ekonomi, Pakar

1.0 PENDAHULUAN

Manusia dikurniakan oleh Allah SWT kemampuan untuk membuat pilihan dan berusaha memenuhi matlamat kehidupan mereka. Anugerah ini bersesuaian dengan amanah manusia sebagai khalifah di atas muka bumi, iaitu memakmurkan dan membangunkannya. Kehendak dan kemampuan membuat pilihan yang ada pada manusia telah membezakannya dengan makhluk-makhluk lain. Dengan ciri ini setiap manusia diberi amanah tersebut dan menjadi sebab bebanan tanggungjawab serta pembalasan oleh Allah SWT. Sebagaimana firmanNya yang bermaksud :

“Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah tersebut dan

mereka khawatir akan mengkhianatinya dan terpicullah amanah tersebut oleh manusia. Sesungguhnya manusia amat zalim dan jahil.”

(Surah *al-Ahzab* ayat: 72)

Persoalan amanah untuk memaju dan memakmurkan bumi menjadi perbincangan pelbagai pihak dan pemahaman yang menghasilkan pelbagai teori serta model dalam bidang ekonomi termasuklah aspek penggunaan, terutama apabila menyentuh soal pengurusan yang bakal dilakukan oleh manusia terhadap harta dan sumber-sumber alam kurniaan Allah SWT. Syariat Islam meletakkan prinsip-prinsip kukuh bagi menjamin keadilan, kesaksamaan dan kestabilan dalam aktiviti penggunaan sejajar dengan ciri syariat yang sempurna dan ideal. Antara prinsip tersebut ialah memilih dan menentukan kehierarkian (*awlawiyyat*) dalam penggunaan. Perkara ini menjadi dasar penting dalam merealisasikan tujuan kehidupan manusia.

1.1 Penggunaan Berhierarki

Istilah kehierarkian (*awlawiyyat*) merupakan istilah baru yang telah dikemukakan oleh para ulama' dalam penulisan mereka. Namun, secara praktikalnya kefahaman ini telah wujud sejak dahulu lagi. Ia diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat serta para ulama' terutamanya dalam menentukan sesuatu tindakan. Yusuf al-Qaradhawi (2009) mendefinisikan kehierarkian (*awlawiyyat*) ialah meletakkan setiap sesuatu sama ada berbentuk hukum, nilai dan perlaksanaan pada kedudukan wajar, berasaskan syariat dan akal. Kehierarkian dapat dirumuskan kepada tiga:

- i. *Daruriyyat* (perkara yang asas), iaitu perkara mutlak yang amat diperlukan untuk kehidupan manusia (*survival*).
- ii. *Haajiyyat* (perkara yang diperlukan), iaitu perkara yang menjadi sangat menyusahkan apabila ianya tiada (*avoid hardship*).
- iii. *Tahsiniyyat/kamaliyyat* (perkara yang menjadi penyempurna) iaitu perkara pelengkap yang menjadi hiasan atau tambahan kepada kehidupan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Isu-isu penggunaan menjadi semakin penting kepada semua peringkat masyarakat. Keadaan ini berlaku kerana perubahan ekonomi semasa dunia telah memberi kesan langsung kepada pengguna dalam pelbagai bidang ekonomi tanpa mengira tahap pendapatan mereka (Ahmad Azrin, 2011). Ternyata kewujudan pelbagai teori serta model, belum mampu mendidik individu pengguna beretika. Selain itu, ia tidak mampu mengatasi masalah semasa penggunaan seperti pembaziran sumber, buruh, modal, kemuflihan, isu pengangguran, inflasi dan sebagainya.

Hal ini juga dikaitkan dengan ketidakseimbangan pendapatan dengan perbelanjaan penggunaan. Petunjuk Bank Pembangunan Dunia pada 2011, mencatatkan perbelanjaan penggunaan mencecah sebanyak 20% di negara yang berpendapatan tinggi membabitkan perbelanjaan peribadi sebanyak 86%, manakala golongan yang terlalu miskin sebanyak 13.7% serta lain-lain sebanyak 1.3% (Anup Shah, 2011). Kegagalan ini semakin terserlah apabila beberapa negara di Eropah seperti Greece dan Portugal, sedang berhadapan dengan masalah hutang kerajaan (*sovereign debt*) yang besar (Nik Mustaffa, 2012).

Masalah tersebut turut berlaku di Malaysia, misalnya akhir 2011, kedudukan hutang isi rumah rakyat Malaysia adalah sebanyak RM553.2 billion iaitu 55.1% jumlah keseluruhan hutang dalam sistem kewangan. Setakat Mac 2012 pula, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah BNM

sejak tahun 2006 telah mengendalikan 181,175 kes hutang. Sejumlah 73,744 individu telah menjalani penstrukturan semula hutang dengan bantuan pihak AKPK (Statistik BNM).

Bank Negara Malaysia turut melaporkan bahawa penggunaan kad kredit mengalami peningkatan yang mendadak, sehingga jumlah lebihan imbalan perbelanjaan (*outstanding balance*) pada 2005 yang melebihi 6 bulan mencecah RM 302.90 juta iaitu 30.8% lebih tinggi setahun sebelumnya (*The Edge Daily*, Ogos 2005). Kadar muflis juga meningkat misalnya pada bulan Jun 2005 hingga Mei 2010, seramai 81,384 orang diisytiharkan muflis membabitkan jumlah hutang RM71.36 billion (*Jabatan Insolvensi Malaysia*, Mei 2010). Terkini Pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah BNM telah mengendalikan 181,175 kes kemuflian meningkat kepada 97,215 mulai tahun 2012-2016 orang (*Jabatan Insolvensi Malaysia*, 2016). Data-data di atas menunjukkan bahawa aktiviti penggunaan yang biasanya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi telah mula mendatangkan masalah kepada masyarakat sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan. Lebih mengawatkan lagi apabila sektor-sektor ekonomi terutamanya institusi perbankan masih juga mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan. Tambahan pula, masyarakat tidak mempunyai pertimbangan kehierarkian dalam perbelanjaan penggunaan. Hal ini, mengundang pelbagai masalah ekonomi seperti pembaziran, kemuflian, pengangguran, kemiskinan, inflasi dan sebagainya.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan latar belakang kajian di atas, pelbagai fenomena sosioekonomi telah membelenggu masyarakat di seluruh dunia dengan isu hutang isi rumah, kemuflian dan sebagainya. Situasi ini menjadi semakin serius dengan pertambahan bilangan mereka yang terlibat dalam permasalahan ini. Permasalahan yang wujud tidak dapat diatasi sebaik-baiknya walaupun terdapat pelbagai teori, model dan pendekatan penggunaan. Situasi ini memberi ruang yang agak menarik untuk diteliti tentang puncanya.

Perkara ini adakah disebabkan aspek pendidikan yang gagal berfungsi dalam memberi kefahaman tentang penggunaan, atau kefahaman yang dimiliki tidak berupaya untuk menyedarkan seseorang tentang pentingnya penggunaan beretika untuk diamalkan. Kemungkinan juga, ilmu penggunaan sedia ada yang merujuk kepada teori atau model konvensional tidak mampu memberikan remedi yang tepat. Pelbagai teori dan model sedia ada dalam konteks penggunaan sememangnya telah memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat pengguna terutama dalam membuat pemilihan, pembelian atau menentukan pilihan barangan dan perkhidmatan yang diinginkan. Hal ini boleh dilihat menerusi teori *Post-Keynesian Theory*, *Behavior Economics and Hierarchy of Needs Theor*. Teori-teori tersebut digunakan bagi meneliti gelagat pemilihan pengguna. Bagi melihat keberkesanan pengguna boleh merujuk kepada teori (*Perceived Consumer Effectiveness*), Kesediaan Membayar (*Willingness to Pay*) dan Teori Kepercayaan (*Value Belief Norm Theory*). Semua teori tersebut pula mengkaji aspek nilai dan sikap pengguna (Faiers *et al.*, 2007).

Teori-teori yang dinyatakan berjaya memaparkan realiti sosial di peringkat individu, kelompok atau organisasi umumnya membentuk pola penggunaan dalam kalangan masyarakat pengguna. Namun, semua pendekatan ini berfungsi sebagai alat analisis tetapi tidak mampu memahami realiti sosial menurut Islam yang sebenarnya. Ini berasaskan pandangan Muhammad Syukri (2008) :

- i. Alat analisis hanya mampu mencerpap pengetahuan menerusi pemerhatian, data dan penganalisan sebab akibat dari interaksi pelbagai pemboleh ubah. Sifat yang didakwa saintifik itu sekadar perkara yang nyata sahaja walhal alam dan kehidupan manusia turut mencakupi perkara yang tidak nyata.
- ii. Alat analisis ini hanya menganggapi realiti sosial menggunakan ilmu *daruri* dan dalil *aqli*. Walhal ilmu *nadhari* (akal) dan dalil *naqli* (wahyu) memiliki nilai kesahan dan

- kebolehpercayaan yang tidak ada tolak bandingnya, selain mampu mendedahkan realiti lepas, semasa dan pada masa hadapan.
- iii. Pemakaian ilmu *daruri* dalil *aqli* kepada alat analisis ini sekadar mencapai peringkat keyakinan *ainul-yaqeen* atau yang paling tinggi hanyalah *ilmulyaqeen*. Ia tidak mampu sampai ke peringkat *haqqul-yaqeen* yang menjadi pra-syarat kepada beriman dan bertaqwanya seseorang itu kepada Allah SWT (Ahmad Azrin, 2011).

Keterbatasan inilah menyebabkan berlakunya fenomena meningkatnya perbelanjaan akibat penyalahgunaan kad kredit, pembaziran, kemuffisan membawa percanggahan dengan kesejatan iman. Perkara yang dianggap pelik untuk diperdalami pada perspektif penyelidikan konvensional kerana ia hanya terfokus kepada jumlah pendapatan isirumah, jumlah pendapatan bolehguna, bilangan tanggungan dan sebagainya. Keterbatasan ini membawa kepada justifikasi perlunya diperkenalkan gelagat pengguna Muslim terutama dalam penghayatan kehierarkian sebagai satu disiplin baru bersama-sama dengan definisi, konsep, teori, model dan pendekatan yang bertunjangkan *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam.

3.0 SOROTAN KARYA

Sorotan terhadap karya-karya terdahulu menggambarkan pelbagai dimensi perbincangan tentang penentu model penggunaan berhierarki. Antaranya, termasuklah asas, dasar dan falsafah penggunaan Islam sehinggalah kepada konsep kehierarkian itu sendiri. Kesemuanya menjadi dasar kepada penghuraian teoretikal tentang satu kerangka konsep berkaitan penggunaan berhierarki. Keseluruhan karya-karya yang disoroti bolehlah dirumuskan kepada tiga perkara.

Pertama, karya-karya yang menumpukan pembinaan teori, model atau pendekatan penggunaan Islam diakui masih terhad bilangannya. Walaupun terdapat usaha menjelaskan penggunaan berteraskan Islam secara teoretikal, namun kebanyakannya tidak terlepas daripada acuan dan kaedah konvensional. Teori atau model konvensional tetap menjadi perbincangan tentang maklum balas ahli ekonomi Islam terhadap penggunaan berhierarki. Ianya masih dimuatkan dalam perbincangan sebagai asas kepada kajian berkaitan gelagat penggunaan Islam.

Kedua, karya-karya yang dianggap berfokus kepada model konsep penggunaan berhierarki Islam hanyalah berlegar kepada teori dan model binaan Monzer Kahf, Fahim Khan, Shawqi Dunia, Bendjilali & Bashir, Mohammed Afr, Assaduzzaman, Muhammad Anas Zarqa dan Abd. Hamid Ab. Latif Mahbob. Kelapan-lapan pakar ekonomi Islam berkenaan sekadar melahirkan pemahaman menurut perspektif ekonomi dan mengaplikasikannya secara Islamik dari sudut operasi semata-mata.

Ketiga, pendekatan mereka bersifat simplistik, akomodatif serta terpilih. Mereka juga masih boleh menerima konsep sentrik kebendaan berbanding sentrik ketuhanan. Tambahan pula kedudukan prinsip, model dan teori boleh diterima pakai setakat mana tidak bercanggah dengan syariah sedangkan ia menyanggahi *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam yang sejati.

Secara umumnya, belum dijumpai sehingga kini satu model penggunaan berhierarki berteraskan Islam yang bertitik tolak daripada akidah *tauhid* dan berasaskan kesyumulan Islam. Apa yang terjadi selama ini sekadar proses pengaplikasian teori gelagat pengguna barat dalam kajian berkaitan Islam. Walaupun ditemui model konsep penggunaan berhierarki berwahan Islam tetapi berselerakan, tidak diikat dengan satu model yang konkrit berasaskan *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Ini memperkukuh kewajaran kajian ke arah pembinaan model konsep PBI diteruskan untuk menjadi panduan dan penyelesaian terhadap kegawatan ekonomi yang dialami oleh pengguna Muslim.

4.0 KAEDAH PENYELIDIKAN

Bagi memperincikan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Ia mencakupi enam perkara. Pertama, reka bentuk keseluruhan kajian yang dijalankan. Kedua, kaedah pemilihan sampel kajian. Ketiga, instrumen kajian. Keempat, kaedah pengutipan data. Kelima, prosedur pelaksanaan keseluruhan kajian. Keenam, kaedah analisis data. Pelaksanaan kajian ini bertujuan untuk menjawab kesemua persoalan kajian, sekali gus mencapai ketiga-tiga objektif kajian.

4.1 Reka Bentuk Kajian

Objektif utama kajian adalah untuk membina satu model konsep PBBi. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini terbahagi kepada dua fasa. Pada fasa pertama, kajian adalah bersifat teoretikal kerana ia mengenal pasti PBBi menerusi pendekatan konvensional dan Islam berkaitan penggunaan. Kupasan menyeluruh tentang kajian-kajian terdahulu dan karya-karya yang berkaitan dengan fokus kajian dilakukan. Pada fasa kedua, aspek *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam diperhalusi bagi menghasilkan satu model konsep PBBi.

Kajian ini bercirikan penerokaan, deskriptif dan penjelasan atas sebab-sebab berikut. Pertama, kajian ini mengandungi ciri-ciri penerokaan kerana model konsep PBBi merupakan satu perspektif penelitian yang agak baru dalam bidang penggunaan. Kedua, kajian ini mengandungi ciri-ciri deskriptif kerana ia memberi gambaran menyeluruh kehendak sebenar Islam mengenai penggunaan dalam konteks PBBi. Ketiga, kajian ini mengandungi penjelasan kerana ia menjelaskan tahap hubung kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diukur.

Metodologi penelitian kajian ini adalah berasaskan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Paksi utamanya ialah *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Dalam kata lain, teologi Islam dijadikan panduan dan kerangka asas pelaksanaan kajian ini. Sumber-sumber ilmu Islam pula dijadikan sumber rujukan utama kajian. Sumber-sumber utama ilmu dalam Islam, iaitu *al-Quran*, dan *al-Hadith* menjadi tunjang kepada pelaksanaan kajian ini. Pemakaian dalil-dalil *naqli* digabungkan secara bersepadu dengan dalil-dalil *'aqli*. Sumber-sumber utama dan penggunaan dalil-dalil adalah penting bagi memastikan hasil kajian ini adalah selari dengan Islam.

Dalam kajian teoretikal, inti pati karya-karya yang berkaitan dikelompokkan mengikut tema-tema tertentu. Tema ini melibatkan elemen-elemen bagi pembentukan model konsep penggunaan berhierarki berteraskan Islam, iaitu tema yang membentuk model PBBi ini selari dengan kehendak Islam.

Dalam penetapan penentu untuk tema dan elemen, penyelidik telah merujuk tema-tema hasil perbincangan menerusi pelbagai karya sama ada yang berbahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Dalam penetapan penentu untuk tema pula, penyelidik telah merujuk tema-tema yang telah ditetapkan oleh ramai pengkaji dalam bidang PBBi kepada pakar-pakar dengan persetujuan penyelia. Hasil penelitian ini, sepuluh tema dan tiga puluh dua elemen yang berkaitan dengan PBBi telah dapat dikenal pasti.

4.2 Kaedah Pemilihan Sampel Kajian

Pemilihan sampel dalam kajian ini memilih sekumpulan pakar bagi mengesahkan ketepatan kerangka model konsep PBBi serta elemen-elemen bagi pembentukannya seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Sekali gus, dapat mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti kedudukan teori, model penggunaan berhierarki. Pakar menganalisis ketepatan teori, model penggunaan berhierarki yang sedia ada berdasarkan aspek *tasawwur*, epistemologi dan ontologi Islam. Akhirnya cadangan membina model konsep PBB1 menjadi kenyataan serta fungsinya ke arah menjadi penanda aras kepada kepatuhan pengguna Muslim.

4.3 Kumpulan Pakar (Responden Temu Bual)

Penglibatan pakar sebagai informen temu bual adalah bertujuan mendapatkan pengesahan mereka tentang ketepatan kerangka konsep PBB1 yang diketengahkan oleh penyelidik. Ia merujuk kepada prinsip-prinsip Islam yang ideal dan berkait dengan penggunaan berhierarki. Kesemua tema dan elemen yang dikenal pasti dibawa kepada sekumpulan pakar untuk diteliti ketepatannya menurut maksud kajian. Dalam hal ini, lima orang pakar dalam bidang penggunaan Islam, ahli badan bukan kerajaan (NGO), pengamal penggunaan Islam, tokoh korporat, pakar hukum dan ahli akademik telah ditemu bual secara bersemuka (*face-to-face interview*). Temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*) digunakan sebagai cara menyoal informen di mana soalan-soalan temua bual yang telah dikemukakan. Pengendalian temu bual secara bersemuka ini mampu menjelaskan sesuatu maksud yang kabur, sekali gus meningkatkan kerjasama antara penemubual dan responden (Sekaran, 2003). Selain catatan, rakaman video, suara telah dibuat dengan persetujuan pakar yang ditemu bual.

Temu bual dengan pakar berupaya mengatasi masalah pengumpulan data yang tidak memenuhi maksud kajian kerana segala pandangan pakar tertumpu kepada tema dan elemen yang telah dikenal pasti oleh penyelidik. Meskipun begitu, pakar tetap berpeluang membuat penilaian atau pilihan sendiri ke atas jawapan yang akan diberikan melalui temu bual separa berstruktur seperti yang dihujahkan oleh Sabtiha Marican (2005). Setiap pakar diminta untuk membuat pengesahan kepada setiap penentu tema dan elemen (item-item soalan). Maklum balas daripada informen ini menjurus kepada penyingkiran, penambahan dan pengubahsuaian bagi setiap tema dan elemen yang telah dibentuk oleh penyelidik.

Justeru, kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih kesemua pakar ini sebagai informen temu bual yang mewakili lima kategori, iaitu tokoh agama atau pakar hukum, pengamal, perunding tokoh korporat dan ahli akademik. Pemilihan kaedah ini dibuat berdasarkan keperluan untuk memperolehi maklumat, pandangan dan pendapat yang mendalam daripada kumpulan pakar tentang satu fenomena yang dikaji (Neuman, 2003).

Kombinasi kelima-lima kategori ini, iaitu tokoh agama (pakar hukum), pengamal, perunding, korporat, ahli NGO dan ahli akademik bertujuan mendapatkan pandangan yang lebih komprehensif tentang PBB1. Ia tidak hanya meneliti aspek teoretikal semata-mata tetapi juga aspek praktikal yang dilakukan oleh firma konsultan dan yang diperjuangkan oleh ahli NGO. Di bawah disenaraikan lima orang pakar yang akan ditemu bual berasaskan kepakaran masing-masing.

Jadual 1: Kategori dan Latar Belakang Pakar Pengesah Model PBB1

Kategori	Pakar-Pakar dan Latar Belakang Akademik
Tokoh Agama	Sahibul al-samahah Dato' Dr. Zulkifli Muhamad al-Bakri • Mufti Wilayah Persekutuan


	<ul style="list-style-type: none"> • B.A (Hons) <i>Syariah</i> Universiti Islam Madinah, M.A <i>Syariah</i> Syria, Doktor Falsafah (Ph. D) USM. • Menjawat jawatan sebagai Mufti Wilayah Persekutuan • Pengerusi j/kuasa Hukum <i>Syarak</i> Wilayah Persekutuan • Panel <i>Syariah</i> J/kuasa wakaf, pusaka, wasiat MAIWP
Perunding	<p>Hjh. Rohani Datuk Mohd Shahir</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Founder & Principal Partner Hijrah Wealth Managers</i> • <i>Syariah Wealth Management Consultancy</i> • Memiliki B.A (Hons) Ekonomi dan Perakaunan Universiti Sydney, Australia • CEO Hijrah Wealth management
Tokoh Akademik	<p>Prof. Dr. Muhamad Rahimi Osman</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah Ekonomi Islam merangkap • Dekan Akademi Pengajian Kontemporari Islam, UiTM Shah Alam, Selangor D.E. • B. A (Hons) <i>Syariah</i> Ekonomi, Universiti Malaya, M.A Ekonomi Islam Universiti Yarmork Jordan, Doktor Falasafah Undang-Undang (Islamic Banking), Universiti Islam Antarabangsa.
Tokoh korporat & NGO	<p>Tan Sri. Muhammad Ali Hashim</p> <ul style="list-style-type: none"> • Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM). • B.A (Hons) Ekonomi Universiti Malaya, Doktor Falsafah Pengurusan Universiti Stanford USA dan <i>Honorary Doctorate of Management</i>, Universiti Teknologi Malaysia. • Bekas Presiden dan Ketua Eksekutif <i>Johor Corporation</i> (JCORP)
Pengamal	<p>En. Saiful Anuar Hambali</p> <ul style="list-style-type: none"> • Timbalan Ketua Bahagian <i>Syariah</i>, Bank Islam Malaysia Berhad. • B. A (Hons) <i>Syariah</i> UIA, M.A Pengurusan Perniagaan (MBA), <i>Islamic Banking & Finance</i> Universiti Malaya

Berdasarkan Jadual 1 di atas, semua informen yang dinyatakan terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri penggunaan Islam. Secara lebih khusus, hampir semua informen merupakan individu terpenting serta pakar dalam sektor masing-masing terutama keagamaan dan penggunaan. Bukan setakat berkemahiran memperjelaskan sesuatu hukum dalam bentuk teori tetapi meliputi juga aspek aplikasi dan penglibatan.

5.0 DAPATAN

5.1 Maklum Balas Pakar Sebelum dan Selepas


Maklum balas daripada sekumpulan pakar sebagaimana penjelasan sebelum ini adalah bertujuan untuk meneliti ketepatan model konsep PBBi agar mampu mematuhi kehendak syarak dalam penggunaan berhierarki berteraskan Islam. Untuk tujuan tersebut, setiap pakar telah diminta untuk membuat pengesahan kepada setiap tema dan elemen-elemen dalam model konsep PBBi sebelum ditemu bual. Setelah semua pakar menyetujuinya, maka proses penemubualan secara mendalam dijalankan berasaskan item-item soalan yang telah dikemukakan. Maklum balas yang diperolehi daripada semua pakar-pakar menjurus kepada penyingkiran, penambahan dan pengubahsuaian kepada tema, elemen serta kedudukan model konsep PBBi. Rajah 1 di bawah ini mempamerkan model konsep PBBi yang telah dibina berdasarkan tema-tema serta elemen yang telah ditunjukkan kepada pakar-pakar.



Rajah 1: Model Konsep PBI (Sebelum temu bual)

5.2 Dapatan Kajian Sebelum Temu Bual

Sebelum terhasilnya dapatan kajian ini, Rajah 1 merupakan Model Konsep PBI telah dibawa untuk diteliti oleh pakar-pakar. Secara umumnya, model ini mengandungi lapan tema dan kesemua tema di dalam model konsep telah ditemu bual secara mendalam sebelum ini. Sebahagian dipersetujui, sebahagiannya dipinda dengan cadangan-cadangan baru untuk tujuan penambahbaikan. Selepas itu model konsep PBI yang baru pula terhasil setelah selesai proses penemu bualan mendalam diadakan dengan beberapa penambahbaikan. Contohnya, kedudukan susun atur model serta pertambahan tema yang termuat di dalamnya berlaku. Pertama, kedudukan susunan barangan di dalam kerangka keutamaan penggunaan yang sebelumnya terdiri daripada barangan *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *kamaliyyat*, tetapi bertambah kepada *tarafiyyat* dengan kedudukan diterbalikkan di samping mengekalkan tema *epistemologi*, *tasawwur*, *ontologi* Islam, kesederhanaan, elemen barangan halal-haram serta *maqasid syariah*. Dalam dapatan selepas ditemu bual juga tema baru turut bertambah seperti tabungan, *ithaar*, wakaf serta keredhaan Allah menjadikan kedudukan model penggunaan PBI yang lebih holistik dan praktikal sebagai panduan penggunaan kepada semua pihak yang berkepentingan seperti dipaparkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Model Konsep Penggunaan Berhierarki Berteraskan Islam (Selepas di temu bual)

5.3 Dapatan Kajian Selepas Temu Bual

Hasil dapatan kajian yang telah dianalisis melalui lima orang pakar telah menghasilkan satu model konsep penggunaan berhierarki yang lebih holistik dan praktikal seperti yang dipaparkan pada Rajah 2 di atas. Wujud dua sumbangan daripada penyelidikan berhierarki berteraskan Islam PBBi. Pertama, dari sudut teori dan yang kedua, dari sudut praktikal. Secara lebih jelas perubahan yang berlaku kepada pembinaan model konsep PBBi dapat ditunjukkan seperti berikut:

Jadual 2: Dapatan Kajian Selepas Ditemu bual

Tema	Elemen sebelum temu bual	Elemen selepas temu bual	Dapatan kajian
<i>Tasawwur</i> Islam	<ul style="list-style-type: none"> <i>Tasawwur</i> Islam berorientasikan nilai dan matlamat penyempurnaan manusia dalam semua aspek Sebagai tapak dan acuan dari segi pembangunan dan persaudaraan. Konsep kekurangan relatif bercanggah dengan tiga komponen dalam <i>tasawwur</i> Islam (Allah pencipta, manusia sebagai makhluk dan sumber alam sebagai makhluk) 	<ul style="list-style-type: none"> <i>Tasawwur</i> memagari konsep penggunaan Setiap elemen dalam <i>tasawwur</i> mesti sampai kepada maqasid syariah <i>Tasawwur</i> Islam menjadi kawalan kepada pembinaan sistem ekonomi Islam 	<ul style="list-style-type: none"> Semua pakar dalam bidang hukum, ekonomi Islam, pengamal, perunding serta NGO menyetujui elemen <i>tasawwur</i> sebagai acuan penting dalam pembangunan model (PBBi)

Epistemologi Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Teori ilmu melahirkan kelakuan, teori dan falsafah • Cakupan ilmu bersangkutan pematuhan syarak, hikmat Allah Pencipta dan maksud kehidupan sebenar • Sumber ilmu berdasarkan <i>al-Quran</i> dan <i>as-Sunnah</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tunjang ilmu untuk melindungi ketidakadilan dalam perolehan dan penggunaan sumber asli • Epistemologi <i>al-Quran</i> dan <i>al-Hadith</i> melakarkan dua bentuk pemikiran iaitu berkaedah tetap dan berubah. • Pengembangan ilmu dalam pematuhan syarak, memahami hikmat dan maksud hidup sebenar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pakar menyetujui elemen-elemen dalam epistemologi Islam yang menjadi tema dalam pembentukan penggunaan berhierarki berteraskan Islam
Ontologi Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Pemahaman hakikat metafizik dalam soal hakikat alam, manusia dan ketuhanan. • Islam menekankan soal supernaturalisme, spritualisme dan materialisme bukan semata materlisme. • Ontologi berpaksikan tiga peringkat tahap pembuktian yang berwibawa, iaitu akal fikiran (<i>ilm alyakiin</i>), (<i>'ain al yaqiin</i>) dan keyakinan yang hakiki (<i>haqqul yaqiin</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perubahan, semua pakar memberi pandangan dan penghujahan yang selari dengan hakikat <i>ontologi</i> Islam. 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pakar mencapai kata sepakat dalam kefahaman <i>ontologi</i> Islam dan kepentingan menjadi acuan PBB1 Islam.
Penggunaan mengikut keutamaan	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar penggunaan untuk menjaga ketidakseimbangan kekayaan masyarakat. • Asas penilaian manusia dalam membentuk pengguna yang adil. • Aktiviti penggunaan yang realistik berasaskan kemampuan sebenar pengguna bukannya kepuasan nafsu semata. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurniaan Ilahi mencukupi kecuali gagal urus berasaskan keutamaan. • Pengamalan konsep penggunaan berhierarki terikat dengan kemampuan, keadaan dan ekonomi semasa. • Model konsep yang masih terikat dengan <i>ijtihad</i>. • Susunan tangga barangan dan perkhidmatan tidak berakhir dengan <i>jaruriyyat</i>, <i>hajjiyyat</i>, <i>tahsiniyyat/kamaliyyat</i> tapi satu lagi penambahan iaitu <i>tarafiyat</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pakar bersetuju dengan elemen –elemen yang diketengahkan kecuali pakar hukum mengaitkan hierarki dalam penggunaan perlu dikaitkan dengan konsep <i>ijtihad</i>. Tangga penggunaan tidak sahaja terikat dengan <i>daruriyyat</i>, <i>hajjiyyat</i>, <i>tahsiniyyat/kamaliyyat</i> sahaja tetapi satu lagi pertambahan iaitu <i>kamaliyyat</i> • Pakar hukum menghujahkan keperluan konsep <i>ithaar</i> dalam aktiviti pengguna Muslim seperti yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar <i>assiddiq</i>, saidina Uthman bin Affan serta <i>assabiqu>un alawallu>n</i>
Kesederhanaan	<ul style="list-style-type: none"> • Berasaskan cara hidup yang adil, seimbang, saksama, tidak boros dan kedekut selari dengan Islam. • Pengguna Muslim berintergriti sederhana. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kehierarkian dalam penggunaan masih bersifat mementing diri sendiri. • Kesederhanaan perlu diikut dengan sifat mengutamakan orang 	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan pakar bersependapat, Pengkelan penggunaan barangan dan perkhidmatan secara berhierarki dapat meningkatkan tabungan serta mengekalkan sifat

	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan kehierarkian dalam penggunaan masih dianggap sederhana. • Pertambahan dalam pengeluaran dan pendapatan bukan alasan untuk meningkatkan penggunaan. • Matlamat akhir penggunaan adalah keredhaan Ilahi. 	<p>lebih daripada diri sendiri (<i>ithaar</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kehierarkian melahirkan pengguna suka menabung. • Tabungan tidak beku bahkan efektif dan produktif. • Menggalakkan individu berzakat dan berwakaf 	<p>besederhana dalam penggunaan.</p>
Tabungan	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil tabungan terkumpul melalui perbelanjaan berhemah berasaskan kefahaman penggunaan secara Islam. • Berkorban untuk orang lain menerusi penabungan wang memberi kepuasan pada diri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tabungan terhasil berasaskan perbelanjaan berhierarki yang diamalkan oleh pengguna Muslim yang mematuhi tata cara perbelanjaan Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pakar bersetuju kesan kesederhanaan dalam perbelanjaan mampu mewujudkan tabungan.
Wakaf	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan berhierarki mewujudkan tabungan wakaf • Tabungan individu Muslim tidak boleh dibekukan • Wakaf memiliki nilai ekonomi, pelaburan serta penyelesaian masalah sosioekonomi masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Menghayati sifat mengutamakan orang lain • Mencetuskan produk baru dalam institusi wakaf iaitu tunai dan wakaf korporat 	<ul style="list-style-type: none"> • Elemen wakaf adalah terhasil daripada kesederhanaan dalam penggunaan yang berupaya mewujudkan tabung sekali gus menyumbang kepada aktiviti berwakaf terutama Allah melarang hamba menyimpan beku harta tanpa melakukan aktiviti pelaburan sama ada pelaburan dunia dan akhirat (Surah al-<i>Taubah</i> ayat: 34)
Konsep halal dan haram	<ul style="list-style-type: none"> • Zat dan penyediaan barangan halal • Transaksi terhadap muamalat barangan dan perkhidmatan mesti halal 	<ul style="list-style-type: none"> • Barangan halal diikuti penyembelihan halal • Bekas, peralatan mesti halal dan cara menyucikan halal 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pakar bersetuju kepentingan tema halal haram menjadi elemen penting dalam pembinaan model konsep PBBi
Pencapaian <i>Maqasid Syariah</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian matlamat utama syarak • Mencapai lima elemen maqasid menjaga harta, nyawa, nasab, akal dan harta 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencapai maqasid harta dalam konteks pemilikan dan penggunaan yang adil 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian <i>Maqasid Syariah</i> kembali semula kepada permintaan barangan mengikut hierarki <i>daruriyyat</i>, <i>hajiyyat</i>, <i>tahsiniyyat/kamaliyyat</i> dan <i>tarafiyat</i> yang beracuan dengan <i>tasawwur</i> Islam, <i>epistemologi</i> dan <i>ontologi</i> Islam.
Keredhaan Allah	<ul style="list-style-type: none"> • Elemen yang menjadi matlamat akhir penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBBi) 	<ul style="list-style-type: none"> • Elemen yang menjadi matlamat akhir penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBBi) 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua informen bersetujuan aspek matlamat akhir penggunaan berhierarki ialah mendapat keredhaan Allah
Ithaar	<ul style="list-style-type: none"> • Perbuatan mengutamakan orang lain lebih daripada kepentingan diri sendiri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap keimanan menjadi teras mengutamakan orang lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pakar boleh bersetuju

	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki harta atau kekayaan melebihi keperluan diri dan keluarga. 		
--	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--	--

5.4 Perbahasan Dapatan Kajian dalam Konteks Teori dan Praktikal

Perbincangan dan perbahasan secara mendalam mengenai tema dan elemen serta pembentukan PBBi dari pelbagai aspek telah menghasilkan model konsep penggunaan berhierarki berteraskan Islam (PBBi) yang lebih holistik terutama dari sudut teori dan praktis. Perbahasan kedua-dua sudut yang dinyatakan, diperjelaskan seperti di bawah:

5.4.1 Dari sudut teori

Model konsep PBBi berjaya memaparkan teori yang lebih holistik dan praktikal dengan berlakunya pertambahan sejenis lagi barangan selepas kedudukan barangan yang bersifat *daruriyyat*, *hajiyyat*, *tahsiniyyat/kamaliyyat* kepada satu lagi jenis barangan iaitu barangan *tarafiyyat*. Walaupun ia terkeluar daripada susunan asal secara berhierarki, tetapi ada kesinambungan dari seseorang pengguna yang telah sampai kepada tahap barangan *kamaliyyat* mungkin pengguna akan terlajak melebihi barangan *tarafiyyat*. Kewujudannya sebagai peringatan agar tidak terjebak kepada penggunaan barangan yang merosakkan ataupun *mafsadah*. Barangan jenis ini juga turut dibahas oleh ahli-ahli ekonomi Islam dan ulasan pakar-pakar sendiri yang perlu dijadikan sempadan supaya tidak menggunakannya kerana membawa kerosakan serta kerugian kepada peruntukan sumber. Kesannya, pengguna didedah dengan *worldview* atau kerangka penggunaan yang dikehendaki oleh Islam bukan sahaja tersusun mengikut keperluan keutamaan tetapi mencapai *maqasid syariah* serta keredhaan Allah.

Kedua, PBBi berupaya memadamkan andaian-andaian yang ada dalam dalam teori ekonomi konvensional dari segi asas, skop serta metode yang digunakan yang tidak sesuai dengan ekonomi Islam. Misalnya merujuk kepada definisi ekonomi konvensional yang menyatakan ekonomi sebagai: “*Ilmu yang membahaskan bagaimana mengurus sumber-sumber yang terhad bagi pelbagai alternatif penggunaan*” (David Hyman, 1993). Ahli ekonomi konvensional mengandaikan sumber-sumber ekonomi adalah terhad manakala kehendak-kehendak manusia adalah tidak terhad serta penyelesaian masalah-masalah ekonomi dengan merujuk kepada sistem ekonomi kapitalis, sosialis ataupun sistem ekonomi campuran. Ini menafikan kekuasaan Allah yang telah membekalkan sumber ekonomi secukupnya kepada manusia, berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah telah menjadikan sesuatu dan menetapkan kadar sumber secukupnya” (*Al-Quran*, surah *al-Furqan* ayat 2).

Isu bebas nilai dalam teori ekonomi konvensional mendakwa teori ini bebas daripada pertimbangan nilai (Abdul Mun'in, 1993). Kenyataan ini hanya benar setakat mana model konvensional tidak mempunyai pemboleh ubah etika. Ini adalah kerana segala tindak tanduk gelagat pengguna adalah selari dengan nilai-nilai masyarakat yang ada. Bahkan, nilai etika menjadi motivasi dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, nilai masyarakat Barat tidak sama dengan nilai masyarakat Islam apabila merujuk kepada norma kedaulatan pengguna (*consumer sovereignty*), menafikan apa-apa hak agama untuk mengenakan sekatan terhadap sesetengah item. Sebagai contoh, falsafah liberal konvensional membenarkan sebarang bentuk pelaburan yang melibatkan riba.

Andaian asas ekonomi konvensional juga menyatakan setiap individu yang berusaha memaksimumkan utiliti (kepuasan) akan dianggap rasional jika menggunakan sumber-sumber terhad yang ada pada mereka. Kepuasan individu dikaitkan dengan kepuasan fizikal dan mental ke atas barangan dan perkhidmatan yang

digunakan. Memaksimumkan utiliti bermaksud meminimumkan kos langsung yang ditanggung oleh individu pengguna dan membiarkan kos sosial ditanggung oleh masyarakat. Kehendak kepuasan yang hendak dimaksimumkan adalah terhadap *economic man* (manusia ekonomi). Manusia ekonomi adalah individu metarialistik. Tindak-tanduk mereka bersifat mementingkan diri tanpa ada rasa peduli atau bertanggungjawab terhadap orang lain. Aktiviti ekonomi adalah berasaskan wang tanpa nilai moral dan kerohanian. Maka, terlahirlah manusia yang bersikap tidak seimbang dengan fitrah kejadian mereka.

Semua andaian-andaian di atas adalah bercanggah dan tidak sah dari segi Islam.

5.4.2 Sudut Praktikal

Pertama, kesan model konsep PBBi dalam ekonomi berasaskan kejayaan kajian ini, menghasilkan model konsep PBBi yang diharapkan menjadi penyelesaian jangka pendek sebelum ia menjadi dasar utama kepada pembangunan ekonomi negara. Sekurang-kurangnya kedudukan harta dan kekayaan dalam sesebuah negara dapat diagih seadil-adilnya kepada pihak yang berhak mendapatkannya. Antaranya, hak orang yang berada di bawah garis kemiskinan, kefakiran dan yang tidak memiliki kemampuan. Sepatutnya lebih keperluan yang bersifat *hajiyyat*, *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat* diagihkan kepada golongan yang amat memerlukan keperluan asas (*daruriyyat*).

Kalau secara menyeluruh dapat dilaksanakan dalam masyarakat, secara tidak langsung masalah jenayah seperti mencuri, pecah rumah, merompak dan sebagainya yang boleh menjejaskan aspek kemasyarakatan dan ekonomi dapat dihindarkan. Oleh itu, kehierarkian dalam penggunaan sebenarnya memberi keseimbangan, di samping menjaga serta meraikan keutamaan yang akan menyelesaikan masalah ekonomi daripada kekurangan sumber berhadapan dengan kehendak manusia yang tidak terbatas.

Kefahaman mengenai keutamaan (kehierarkian) dalam penggunaan akan membentuk satu mekanisma pasaran yang berkualiti, seimbang dan menepati keperluan hakiki manusia. Penggunaan yang berasaskan kefahaman ini akan membentuk suatu keadaan antaranya:

(a) Corak Permintaan Pengguna

Kefahaman kehierarkian terhadap keperluan barangan dan perkhidmatan mempengaruhi gelagat pengguna dan sekali gus memberi kesan terhadap permintaan penggunaan. Penggunaan berlandaskan syarak mengutamakan barangan dan perkhidmatan yang halal dan berkualiti akan meletakkan hadangan serta sekatan dalam setiap penggunaan terutama barangan haram dan keji. Peninggalan perbuatan yang diharamkan seperti meminum minuman keras, berjudi, berzina dan seumpamanya memberi kesan kepada permintaan penghasilan segala produk yang haram. Contohnya, minuman keras, segala komponen yang melibatkan penghasilan arak seperti peralatan, kilang dan penanaman anggur dan sebagainya akan terjejas.

Begitu juga dengan kesedaran kehierarkian penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan memberi kesan kepada permintaannya. Oleh itu, industri tempatan akan berkembang memenuhi segala jenis keperluan kepada masyarakat, di samping menyediakan peluang pekerjaan dan juga dapat menyekat pengaliran wang keluar negara. Jelas kefahaman kehierarkian penggunaan yang dibuat berdasarkan hukum syarak dan kepentingan *masalah* akan mempengaruhi corak permintaan pengguna.

(b) Membentuk Keluaran Yang Berkualiti

Dimaklumi di dalam perbahasan ekonomi, aktiviti penggunaan berkait rapat dengan pengeluaran. Aktiviti penggunaan menjadi elemen pemangkin utama kepada kesinambungan kepada usaha-usaha pengeluaran. Oleh yang demikian, penggunaan berasaskan kehierarkian dalam pemilihan barangan dan perkhidmatan

merangsang aktiviti pengeluaran yang berkualiti dan seimbang. Pengeluaran yang berkualiti sebenarnya memenuhi kepentingan roh dan jasad manusia dari pelbagai sudut sejajar dengan fitrah semulajadi manusia.

(c) Meningkatkan Tabungan dan Pelaburan

Penggunaan atau perbelanjaan terkawal melalui prinsip-prinsip syariat dalam penghayatan prinsip kesederhanaan mewujudkan sikap berjimat cermat, seterusnya meningkatkan jumlah tabungan yang merupakan punca pelaburan. Ini bermakna pelaburan akan meningkat, seterusnya meningkatkan jumlah tabungan yang merupakan punca pelaburan. Justeru, pelaburan akan meningkat seterusnya meningkatkan permintaan *aggregate*. Hal ini memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Rangsangan untuk mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan tabungan lebih apabila masyarakat difaham dan dididik dengan kehendak syariat, iaitu mengamalkan perbelanjaan mengikut keutamaan ataupun berhierarki

6.0 KESIMPULAN

Kegawatan ekonomi yang berlaku perlu kepada penyelesaian yang terbaik dari perspektif Islam. Ini disebabkan sistem ekonomi negara kita yang diamalkan sekarang sangat bergantung kepada industri hutang. Ini akibat dari tindakan penjajah membenarkan amalan riba dilaksanakan di negara umat Islam serta penubuhan sektor perbankan. Sektor ini pula berkembang dengan pelbagai produk-produk hutang yang inovatif dan menarik kepada pengguna-pengguna untuk berhutang.

Walaupun ekonomi negara terus maju pada kadar yang memberangsangkan, namun apa yang berlaku tahap hutang juga sentiasa meningkat. Semacam tiada kesudahan, oleh itu aktiviti penggunaan berdasarkan PBB1 perlu menjadi penyelesaian yang ideal yang dirujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah Nabi SAW dan kupasan ulama serta pakar-pakar dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang ekonomi Islam. Kepincangan ekonomi semasa tidak boleh diselidungkan lagi kerana rakyat biasa atau yang berpendapatan rendah merasai bahananya. Namun dalam masa yang sama masyarakat Islam perlu dididik dengan perbelanjaan berhemah, mengikut keperluan bukan mengikut kehendak atau nafsu. Jelaslah bahawa pembinaan model konsep PBB1 mampu menjadi penyelesaian yang konkrit kepada permasalahan sosio-ekonomi yang berlaku.

Rujukan

Ahmad Azrin, (2010). *Islamic Consumer Behavior : The needs for and position of its theoretical framework*. Siri kertas ISDEV, Bil.12, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.

Ahmad Azrin, 2011, *Gelagat Pengguna Muslim : Satu Disiplin atau Sub-Disiplin*, Kertas kerja dibentangkan di Seminar perundangan Islam dalam Masyarakat kontemporari (ISLAC2011) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Inovasi (UNISZA), 18-19 November 2011.

Anup Shah, 2008 “*Consumption and Consumerism*” IN Anip Shah, *Consumption and Consumerism*, Global Issues. Org, access date 4 November 2008.

Al Qaradhawi, Dr Syeikh Yusuf (1980). *Problema Kemiskinan – Apa Konsep Islam*, Pena Mas Malaysia, Johor Bahru.

- Al Qaradhawi, Dr Syeikh Yusuf (2009). *Fiqh Keutamaan*, Bahruddin Fannani (terj.) Kuala Lumpur : Blue-T Publication Sdn Bhd.
- Canterbery, E. Ray (1978). *The Making of Economics*, third edition, California : Wardsworth Pub. Company.
- Eric Roll (1995). *Sejarah Pembinaan Ekonomi*, Adzman Shamsuddin(terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadzila Azni Ahmad. 2010. *Keadah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berterteraskan Islam di Malaysia*. Shah Alam : UPENA, Universiti Teknologi Mara.
- Faiers, A., Cook, M. & Neame, C. .2007. Towards a Contemporary Approach for Understanding Consumer Behaviour in the Context of Domestic Energy Use. *Journal of Energy Policy*, 35, 4381-4390.
- Ghafarullahuddin Hj. Din(1995). 'Asas dan Konsep Ekonomi: Satu Perspektif Perbandingan Ekonomi Konvensional dan Islam', (tesis). USM, Pulau Pinang.
- Laily Paim et.al, (2003), *Pengenalan Ekonomi Pengguna*, Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Mustapha (2012), *Model Baru Ekonomi : Tinjauan dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur : Izshen Ventures Sdn. Bhd.
- Sabtiha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*: Selangor: Pearson Malaysia Bhd.